



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MAJLIS PERTUKARAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) BERSEMPENA MAHA *TRADE DAYS* 2026

SERDANG, 1 SEPTEMBER 2026 – Sebanyak 14 pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) bernilai keseluruhan RM1.49 bilion menjadi antara pencapaian utama pada pembukaan MAHA *Trade Days* 2026 hari ini, sekali gus mencerminkan keyakinan pelabur dan rakan strategik terhadap potensi serta prospek sektor agromakanan Malaysia di peringkat global.

MAHA *Trade Days* 2026 berlangsung dari 1 hingga 3 September 2026 di Dewan A dan B, MAEPS, Serdang, dengan menghimpunkan hampir 2,000 pempamer yang mempunyai produk sedia eksport (*export-ready*) serta 40 *international buyers* terdiri daripada pemborong, pengedar dan peruncit daripada pelbagai pasaran antarabangsa. Platform ini membuka peluang kepada pemain industri tempatan untuk meneroka pasaran baharu, memperluaskan pasaran sedia ada serta membina jaringan perniagaan dengan rakan strategik antarabangsa.

Daripada keseluruhan 14 pertukaran MoU tersebut, nilai komitmen pelaburan dan perdagangan yang direkodkan adalah sebanyak RM1.49 bilion. Kerjasama yang dimeterai meliputi pelbagai subsektor strategik agromakanan, termasuk input pertanian, pengeluaran dan pemprosesan hasil pertanian, industri ternakan, produk makanan halal, nanas, pembangunan produk pertanian serta teknologi dan pembangunan kapasiti.

Antara kerjasama bernilai tinggi yang direkodkan ialah pembangunan loji pemprosesan nanas di Tunku, Miri, Sarawak bernilai RM1.031 bilion, selain kerjasama strategik dalam pengeluaran dan pengedaran produk pertanian, pengembangan kapasiti ladang ayam pedaging berteknologi tinggi serta pembangunan baja khusus bagi tanaman nanas.

Nilai RM1.49 bilion yang direkodkan pada hari pertama ini merupakan sebahagian daripada sasaran keseluruhan RM8 bilion bagi nilai pelaburan dan perdagangan MAHA 2026. Sasaran tersebut mencerminkan aspirasi Kementerian untuk menjadikan MAHA bukan sekadar platform pameran, tetapi sebagai medan strategik bagi menjana peluang perdagangan, menarik pelaburan dan memperluaskan akses pasaran antarabangsa bagi industri agromakanan Malaysia.

MAHA *Trade Days* 2026 seterusnya diharap dapat mencetuskan lebih banyak padanan perniagaan, peluang pelaburan, kerjasama teknologi dan akses pasaran baharu, sekali gus menyokong usaha memperkukuh daya saing industri agromakanan Malaysia serta meningkatkan kehadiran produk tempatan di pasaran global.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

